JOIN TELEGRAM
@exercise_students
UNTUK ANALISIS & TIPS SPM 2026 !

**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA**
**(CAWANGAN PULAU PINANG)**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2026**
**PENDIDIKAN ISLAM**
**Kertas 1** **2 jam 30 minit**

# PERATURAN PEMARKAHAN

## PENDIDIKAN ISLAM

## KERTAS 1

**UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA**

**AMARAN**

Peraturan pemarkahan ini SULIT dan Hak Cipta Majlis Pengetua Sekolah Malaysia (Cawangan Pulau Pinang). Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat di dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa bentuk media.

<table>
<tr><th colspan="3">No. Soalan</th><th>Jawapan</th><th>Markah</th></tr>
<tr><td>1</td><td>(a)</td><td>(i)</td><td>Maksud kalimah yang bergaris di atas:<br>1. Permainan/Gurauan<br>2. Azab</td><td>2 x 1m = 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Dua kesan mempersendakan agama:<br>1. Boleh membatalkan iman<br>2. Tidak dipandang oleh Allah SWT di akhirat.<br>3. Tidak mendapat kejayaan di dunia dan akhirat.<br>Catatan: mana-mana jawapan munasabah diterima.</td><td>2 x 1m = 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>Rubrik penskoran
<table>
<tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr>
<tr><td>Menyatakan hujah sahaja</td><td>1m</td></tr>
<tr><td>Menjelaskan hujah berserta huraian ringkas</td><td>2m</td></tr>
<tr><td>Menghuraikan hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi</td><td>3m</td></tr>
<tr><td>Merumus hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td><td>4m</td></tr>
</table>
Cadangan isi:<br>1. Memperkasakan program keilmuan berbentuk bimbingan di semua lapisan masyarakat.<br>2. Mengajak masyarakat mencontohi keperibadian mulia Rasulullah SAW.<br>3. Menceritakan kepentingan menjaga kualiti ibadat fardu dan sunat.<br>4. Mengajak masyarakat meninggalkan segala perbuatan yang boleh mencemarkan kesucian agama Islam.<br>5. Mengadakan kempen tuntutan amar makruf nahi mungkar dalam kehidupan.<br>6. Melaporkan perbuatan mempersendakan agama kepada pihak berkuasa.<br>7. Menguatkuasakan undang-undang / hukuman yang berat.</td><td>4m</td></tr>
</table>

<table>
<tr><td></td><td>(b)</td><td>(i)</td><td>Dua golongan tersebut selain seseorang yang menyembunyikan sedekahnya ialah :<br>1. Pemimpin yang adil.<br>2. Pemuda yang hidupnya taat beribadah kepada Allah SWT.<br>3. Seseorang yang hatinya sentiasa mencintai masjid.<br>4. Dua orang yang saling mengasihi kerana Allah SWT, bertemu dan berpisah kerana Allah SWT.<br>5. Seseorang yang membenci perbuatan maksiat kerana takut kepada Allah SWT.<br>6. Seseorang yang mengingati Allah SWT sehingga menitiskan air mata.</td><td>2 x 1m = 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Dua contoh menyembunyikan sedekah.<br><br>1. Memberikan sumbangan kewangan secara perbankan dalam talian (online banking)./QR<br>2. Mewakafkan tanah bagi tujuan pembinaan masjid./ mewakaf…<br>3. Memasukkan wang ke dalam tabung masjid (secara senyap).<br>4. Menyumbang melalui 'Infaq Makanan' secara (tanpa nama).<br><br>Catatan: Mana-mana jawapan yang munasabah diterima.</td><td>2 x 1m = 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>Rubrik penskoran :<br><table><tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr><tr><td>Menyatakan isi sahaja</td><td>1m</td></tr><tr><td>Menjelaskan isi berserta huraian yang menyokong isi</td><td>2m</td></tr></table><br>Cadangan isi :<br><br>1. Terpengaruh dengan bisikan syaitan / hawa nafsu (1m) yang mementingkan keseronokan duniawi(1m).<br>2. Pengaruh persekitaran/ rakan sebaya (1m) yang tidak mengamalkan cara hidup Islam (1m).<br>3. Kurang kefahaman / penghayatan ilmu agama (1m) tentang tuntutan ibadah dalam kehidupan (1m).</td><td>2m<br><br>Isi = 1m<br>Huraian=1m</td></tr>
</table>

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | (iv) | Rubrik penskoran -<br><br>**Kriteria** / **Skor**<br>Menyatakan hujah sahaja — 1m<br>Menjelaskan hujah berserta huraian ringkas — 2m<br>Menghuraikan hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi — 3m<br>Merumus hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. — 4m<br><br>Cadangan isi:<br>1. Dipandang hina oleh masyarakat.<br>2. Ibadah sia-sia.<br>3. Hati menjadi keras. | 4m |
| | (c) | | (i) Mad lazim kalimi mukhaffaf<br>(ii) Mad lazim harfi musaqqal | 2 x 1m = 2m |
| 2 | (a) | (i) | Maksud Al-Muntaqim ialah nama Allah SWT yang menunjukkan bahawa Allah SWT Maha Pembalas (1m) dengan menimpakan azab terhadap orang yang melampaui batas (1m) . | 1 x 2m = 2m |
| | | (ii) | Kefahaman mengenai nama Allah SWT Al-Muntaqim<br>1. Allah SWT memberikan pembalasan dengan siksaan neraka terhadap orang yang menolak peringatan al-Quran.<br>2. Allah SWT menimpakan azab dalam peristiwa ad-Dukhan iaitu kaum Quraisy ditimpakan dengan kemarau panjang sehingga debu seperti asap menutupi mereka kerana mereka menolak dakwah Rasulullah SAW.<br>3. Allah SWT memberikan pembalasan terhadap golongan yang menentang agama-Nya setelah diutuskan rasul dan diberi keterangan yang jelas.<br><br>**Catatan** : perlu ada **jenis** dan **sebab** siksaan. | 2 x 2m = 4m |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | (iii) | Rubrik penskoran :<br><br>**Kriteria** \| **Skor**<br>Menyatakan hujah sahaja \| 1m<br>Menjelaskan hujah berserta huraian ringkas \| 2m<br>Menghuraikan hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi \| 3m<br>Merumus hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. \| 4m<br><br>Cadangan jawapan:<br>Melahirkan rasa takut untuk membuli rakan di sekolah. (1m) Hal ini kerana Allah SWT akan membalas setiap kesalahan yang dilakukan. (1m) Kesannya dapat mewujudkan suasana yang aman dan harmoni. (1m) Kesimpulannya kita hendaklah sentiasa beriman dengan nama Allah SWT al-Muntaqim supaya terhindar daripada melakukan jenayah. (1m)<br><br>Cadangan isi:<br>1. Yakin Allah SWT membalas setiap perbuatan zalim hambanya.<br>2. Sentiasa berwaspada/berhati-hati dalam setiap tindakan.<br>3. Saksi hendaklah berani mencegah perbuatan buli kerana takut kemurkaan Allah SWT.<br>4. Mangsa buli hendaklah meletakkan pergantungan kepada Allah SWT sebagai pembela yang sebenar. | 4m |
| | (b) | (i) | Dua contoh perkataan yang membatalkan iman:<br>1. “Saya tidak lagi beragama Islam”<br>2. “Al-Quran sudah tidak sesuai lagi diamalkan”<br>3. “Saya tidak percaya adanya malaikat Raqib dan ‘Atid”<br>4. “Rasulullah SAW pun buat dosa”<br>5. “Zaman sekarang tidak perlu menutup aurat lagi”<br>6. “Bilal itu telah menyalak seperti anjing”<br><br>**Catatan**: Mana-mana jawapan yang munasabah diterima (berfokus kepada perkataan). | 2 x 1m = 2m |

(ii) Dua cara menjauhi perkara yang membatalkan iman:

1. Mendalami ilmu akidah Islam supaya dapat mempelajari batas-batas iman dan kufur.
2. Bersahabat dengan orang yang soleh yang dapat membimbing diri kepada kebaikan.
3. Melakukan amalan soleh yang boleh mengukuhkan keimanan dan keyakinan kepada Allah SWT dan rasul.
4. Memastikan sesuatu kepercayaan dan amalan berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah supaya berada di jalan yang lurus.
5. Berdoa dan memohon petunjuk Allah SWT agar sentiasa istiqamah di atas agama Islam.
6. Sentiasa beristighfar / memohon keampunan daripada Allah SWT atas dosa dan kesalahan yang dilakukan.

2 x 1m = 2m

(C) (i) Rubrik penskoran

| Kriteria | Skor |
|---|---|
| Menyatakan isi sahaja | 1m |
| Menjelaskan isi berserta huraian yang menyokong isi | 2m |

2m
Isi = 1m
Huraian=1m

Cadangan isi:

1. Umat Islam mudah terpengaruh dengan fahaman yang menyeleweng (1m) kerana tidak mempunyai panduan akidah yang jelas (1m).
2. Umat Islam berpecah belah (1m) . Hal ini kerana perbezaan pegangan antara mereka (1m).
3. Akidah masyarakat mudah terpesong (1m) kerana menerima kepercayaan yang bercanggah dengan al-Quran dan al-Sunnah (1m).
4. Keharmonian dan kestabilan negara tergugat(1m). Hal ini kerana berlakunya salah faham dalam masyarakat (1m).

SERTAI TELEGRAM @exercise_students

<table>
<tr>
<td></td>
<td></td>
<td>( ii )</td>
<td>Rubrik penskoran –
<table>
<tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr>
<tr><td>Menyatakan hujah sahaja</td><td>1m</td></tr>
<tr><td>Menjelaskan hujah berserta huraian ringkas</td><td>2m</td></tr>
<tr><td>Menghuraikan hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi</td><td>3m</td></tr>
<tr><td>Merumus hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td><td>4m</td></tr>
</table>
Cadangan isi:<br>
1. Mempelajari ilmu agama daripada guru dan sumber yang sahih.<br>
2. Sentiasa merujuk kepada al-Quran dan al-Sunnah.<br>
3. Menjauhi kumpulan atau ajaran yang meragukan.</td>
<td>4m</td>
</tr>
<tr>
<td>3</td>
<td>(a)</td>
<td>(i)</td>
<td>Maksud sembelihan :<br><br>
Menyembelih binatang yang halal dimakan dagingnya dengan cara memutuskan urat halkum dan merik.</td>
<td>2m</td>
</tr>
<tr>
<td></td>
<td></td>
<td>(ii)</td>
<td>Dua perkara sunat sembelihan :<br>
1. Menajamkan pisau<br>
2. Menyembelih pada waktu siang<br>
3. Menghadap kiblat<br>
4. Membaca Basmalah<br>
5. Membaringkan binatang sembelihan pada rusuk kiri.<br>
6. Alatan yang tajam/seperti pisau.</td>
<td>2 x 1m = 2m</td>
</tr>
<tr>
<td></td>
<td></td>
<td>(iii)</td>
<td>Rubrik penskoran –
<table>
<tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr>
<tr><td>Menyatakan isi sahaja</td><td>1m</td></tr>
<tr><td>Menjelaskan isi berserta huraian yang menyokong isi</td><td>2m</td></tr>
</table>
Cadangan isi:<br><br>
1. Kurang pengetahuan tentang konsep halal dan haram (1m) kerana mengambil ringan tentang hukum syarak (1m).<br>
2. Terpengaruh dengan budaya dan gaya hidup viral (1m) kerana ingin mencuba sesuatu yang baru (1m).<br>
3. Kurang kesedaran masyarakat tentang status logo HALAL yang disahkan oleh JAKIM (1m) kerana tiada pendedahan secara meluas (1m).<br>
4. Terpedaya dengan strategi pemasaran (1m) kerana mementingkan keuntungan semata-mata (1m).</td>
<td>2m<br>Isi = 1m<br>Huraian=1m</td>
</tr>
</table>

<table>
<tr><td></td><td></td><td>(iv)</td><td>Rubrik penskoran<br><table><tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr><tr><td>Menyatakan hujah sahaja</td><td>1m</td></tr><tr><td>Menjelaskan hujah berserta huraian ringkas</td><td>2m</td></tr><tr><td>Menghuraikan hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi</td><td>3m</td></tr><tr><td>Merumus hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td><td>4m</td></tr></table><br>Cadangan isi:<br>1. Pengguna berisiko termakan makanan yang syubhah/haram.<br>2. Ibadah dan keberkatan hidup akan terjejas.<br>3. Membentuk akhlak yang buruk dalam diri kerana bercampur dengan makanan yang haram.<br>4. Mudah mendapat penyakit kerana toksin dan bakteria dalam binatang tidak dikeluarkan.</td><td>4m</td></tr>
<tr><td></td><td>(b)</td><td>(i)</td><td>Tempoh idah :<br>X : 3 bulan<br>Y : Sehingga melahirkan anak.</td><td>2 x 1m = 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Rubrik penskoran –<br><table><tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr><tr><td>Menyatakan hujah sahaja</td><td>1m</td></tr><tr><td>Menjelaskan hujah berserta huraian ringkas</td><td>2m</td></tr><tr><td>Menghuraikan hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi</td><td>3m</td></tr><tr><td>Merumus hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td><td>4m</td></tr></table><br>Cadangan isi:<br>1. Memberi peluang kepada pasangan suami isteri untuk berbaik semula.<br>2. Memastikan rahim wanita bersih dari benih bekas suami/ menjaga keturunan.<br>3. Mengelak timbulnya fitnah.</td><td>4m</td></tr>
</table>

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | (c) | (i) | Maksud wasiat<br><br>Ikrar yang dibuat oleh seseorang semasa hidup untuk mengagihkan harta selepas kematiannya menurut hukum syarak. | 2m |
| | | (ii) | Cara pengurusan wasiat:<br>1. Harta yang diwasiat hendaklah dikira sebaik sahaja kematian pewasiat.<br>2. Harta yang diwasiatkan tidak melebihi daripada 1/3 daripada keseluruhan harta<br>3. Dilaksanakan setelah dilangsaikan segala perbelanjaan pengurusan jenazah dan hutang si mati. | 1 x 2m = 2m |
| 4 | (a) | (i) | Sejarah Kerajaan Umaiyah:<br><br>1) Pengasas: Muawiyah bin Abi Sufian<br>2) Keluasan : Meliputi sebahagian besar Benua Afrika, Asia dan Eropah.<br>3) Bilangan Khalifah : 14 orang.<br>4) Khalifah terakhir : Marwan bin Muhammad | 4 x 1m = 4m |
| | | (ii) | Sumbangan Khalifah Abdul Malik bin Marwan:<br><br>1. Menetapkan Bahasa Arab sebagai bahasa rasmi dalam urusan pentadbiran negara.<br>2. Mencetak mata wang dinar Islam pertama bertulisan arab dan berteks al-Quran.<br>3. Menaik taraf perkhidmatan pos dan sistem pengangkutan awam.<br>4. Menubuhkan *Diwan al-Jund* untuk mengurus pertahanan negara.<br>5. Mengarah pembinaan *Qubbatus Sokhra* di Baitul Maqdis/ Palestin.<br><br>SERTAI TELEGRAM @exercise_students | 1 x 2m = 2m |

<table>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>Rubrik Penskoran<br><table><tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr><tr><td>Menyatakan hujah sahaja</td><td>1m</td></tr><tr><td>Menjelaskan hujah berserta huraian ringkas</td><td>2m</td></tr><tr><td>Menghuraikan hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi</td><td>3m</td></tr><tr><td>Merumus hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td><td>4m</td></tr></table><br>Cadangan isi :<br>1. Bercita-cita menjadi seorang tentera untuk mempertahankan negara.<br>2. Menyertai program/aktiviti yang boleh mengharumkan nama negara.<br>3. Berdiri ketika menyanyikan lagu Negaraku.<br>4. Menghormati bendera Malaysia.</td><td>4m</td></tr>
<tr><td></td><td>(b)</td><td>(i)</td><td>Riwayat hidup Salahuddin al-Ayyubi<br>1. Nama penuh : Yusuf bin Ayub bin Syazi<br>2. Tarikh lahir : 532 hijrah<br>3. Tarikh meninggal dunia : 589 hijrah<br>4. Jawatan : Pemerintah bagi Kerajaan al-Ayyubiah<br>5. Ketinggian akhlak :<br>- Menghormati para ulama’.<br>- Berani mempertahankan Islam.<br>- Prihatin terhadap kebajikan rakyat.<br>6. Guru yang tersohor : Ali bin al-Hasan bin Hibbatullah bin Asakir al-Damashqi</td><td>2x1m = 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Sumbangan beliau dalam aspek pentadbiran:<br>1. Mengubah sebuah dewan istana dengan menjadikannya sebuah hospital (1m) yang dinamakan al-Bimaristan Al-Atiq. (1m)<br>2. Sebuah gedung ubatan disediakan (1m) bagi membolehkan ubat diagihkan mengikut gred (1m) yang ditetapkan kepada para pesakit.</td><td>1 x 2m = 2m<br>Isi = 1m<br>Huraian=1m</td></tr>
</table>

(iii) Rubrik penskoran

| Kriteria | Skor |
|---|---|
| Menyatakan isi sahaja | 1m |
| Menjelaskan isi berserta huraian yang menyokong isi | 2m |

Cadangan isi:

1. Tiada semangat jihad dalam diri (1m) kerana terlalu cintakan dunia (1m).
2. Lalai dengan hiburan dunia (1m). Hal ini kerana terpengaruh dengan media sosial. (1m)
3. Kurang prihatin dengan nasib umat Islam yang ditindas (1m) kerana sifat pentingkan diri sendiri. (1m)
4. Tidak mengenali tokoh-tokoh Islam yang hebat (1m) kerana malas mempelajari sejarah Islam.(1m)

2m
Isi = 1m
Huraian=1m

(iv) Rubrik penskoran –

| Kriteria | Skor |
|---|---|
| Menyatakan hujah sahaja | 1m |
| Menjelaskan hujah berserta huraian ringkas | 2m |
| Menghuraikan hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi | 3m |
| Merumus hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. | 4m |

Cadangan isi :

1. Mendidik anak-anak dengan akidah Islam yang sebenar sejak kecil.
2. Menerangkan perbezaan antara akidah yang betul dan akidah yang salah.
3. Menceritakan kehebatan tokoh-tokoh Islam.
4. Menunjukkan contoh teladan yang terbaik dengan mengamalkan akidah Islam yang betul.

4m

<table>
<tr><td>5.</td><td>(a)</td><td>(i)</td><td>Dua adab terhadap orang sakit dari aspek ibadah:<br>1. Mendoakan kesihatan mereka.<br>2. Membantu mereka yang ingin melakukan ibadah.<br><br>Catatan: Mana-mana jawapan yang munasabah diterima (berfokus kepada ibadah).</td><td>2 x 1m = 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Hikmah beradab kepada orang sakit :<br>1. Menggembirakan pesakit (1m) agar hatinya tenang dalam menempuh ujian Allah SWT (1m).<br>2. Mengeratkan ukhuwah sesama anggota masyarakat (1m) agar hidup diberkati Allah SWT (1m).<br>3. Melahirkan keinsafan (1m) kerana diberikan nikmat kesihatan setelah melihat penderitaan pesakit (1m).<br><br>Catatan: Mana-mana jawapan yang munasabah diterima.</td><td>1 x 2m = 2m<br>Isi = 1m<br>Huraian = 1m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>Rubrik penskoran<br><br>
<table>
<tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr>
<tr><td>Menyatakan hujah sahaja</td><td>1m</td></tr>
<tr><td>Menjelaskan hujah berserta huraian ringkas</td><td>2m</td></tr>
<tr><td>Menghuraikan hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi</td><td>3m</td></tr>
<tr><td>Merumus hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td><td>4m</td></tr>
</table>
<br>Cadangan isi :<br>1. Wajar kerana menjadi inspirasi kepada masyarakat untuk melakukan amal kebajikan.<br>2. Wajar untuk mengumpul sumbangan dengan lebih cepat.<br>3. Wajar untuk menimbulkan kesedaran sivik tentang nasib pesakit sebatang kara.<br>4. Tidak wajar kerana menjejaskan emosi dan privasi pesakit.<br>5. Tidak wajar kerana mengganggu ketenteraman hospital dan pesakit lain.<br>6. Tidak wajar kerana menimbulkan fitnah riak.</td><td>4m</td></tr>
</table>

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | (iv) | Rubrik penskoran –<br><br>**Kriteria** / **Skor**<br>Menyatakan isi sahaja – 1m<br>Menjelaskan isi berserta huraian yang menyokong isi – 2m<br><br>Cadangan isi :<br>1. Meminta izin kepada pesakit sebelum memulakan siaran langsung (1m) agar menjaga emosinya (1m).<br>2. Memohon kebenaran daripada pihak hospital (1m) agar tidak menyalahi undang-undang (1m).<br>3. Memastikan pakaian pesakit kemas/menutup aurat (1m) supaya aib pesakit terpelihara (1m). | 2m<br>Isi = 1m<br>Huraian = 1m |
| | (b) | (i) | Maksud tawaduk ialah sikap kerendahan hati kepada Allah SWT dan sesama manusia. | 2m |
| | | (ii) | Contoh tawaduk yang diamalkan oleh Rasulullah SAW:<br><br>1. Tawaduk dalam pergaulan (1m) - lemah lembut dan kasih sayang terhadap kanak-kanak / mengusap kepala kanak-kanak menyantuni kanak-kanak / Rasulullah SAW mendahulukan memberi salam / Rasulullah tidak sombong walaupun berada dalam kedudukan tinggi (1m).<br><br>2. Tawaduk dalam kehidupan rumahtangga (1m) – membantu isteri menguruskan hal rumah tangga/ menjahit sendiri pakaian / melayani keluarga / menampal selipar (1m).<br><br>3. Tawaduk dalam pengurusan makanan (1m) -tidak membazirkan makanan / tidak mencela makanan (1m).<br><br>**Catatan** :<br>- Tidak terikat dengan aspek<br>- Contoh daripada payung yang sama diterima sebagai isi yang berlainan.<br>- Contoh diikuti dengan huraian = 2m<br>- Contoh jawapan : Lemah lembut dengan kanak-kanak (1m) seperti mengusap rambut kanak-kanak.(1m) | 1 x 2m = 2m |

**(iii)** Rubrik penskoran

| **Kriteria** | **Skor** |
|---|---|
| Menyatakan hujah sahaja | 1m |
| Menjelaskan hujah berserta huraian ringkas | 2m |
| Menghuraikan hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi | 3m |
| Merumus hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. | 4m |

Cadangan isi:

1. Saling menghormati antara ahli keluarga.
2. Sentiasa berlapang dada menerima pandangan ahli keluarga yang lain.
3. Bermusyawarah menyelesaikan masalah yang dihadapi dalam keluarga.

Markah: 4m

**(iv)** Rubrik penskoran

| **Kriteria** | **Skor** |
|---|---|
| Menyatakan isi sahaja | 1m |
| Menjelaskan isi berserta huraian yang menyokong isi | 2m |

Cadangan isi :

1. Ahli keluarga sukar menerima teguran (1m) kerana merasakan diri sentiasa betul (1m).
2. Pengaruh budaya materialistik (1m). Hal ini kerana mengejar kemewahan dunia (1m).
3. Sikap ego yang tebal dalam diri (1m) kerana mementingkan diri sendiri. (1m)
4. Kurang didikan agama (1m). Hal ini kerana ibu bapa sibuk bekerja. (1m)

Markah: 2m

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**

IKUTI SAYA DI TELEGRAM
@exercise_students
UNTUK ANALISIS SPM 2026 !

**PERINGATAN :**

**1. KBAT 2M – Huraian yang menjelaskan isi . Sekiranya Huraian yang tidak menjelaskan isi hany mendapat 1m**

**2. Soalan Terangkan bukan KBAT – Jawapan isi dan huraian perlu dalam 1 ayat. Tidak boleh bina dua ayat.**